

Atasi masalah dadah di sekolah

SAUDARA PENGARANG,

HAKIKATNYA, masalah dadah dalam kalangan pelajar sekolah pada masa kini berada pada tahap yang amat membimbangkan, apatah lagi dengan bekalan dadah yang mudah didapati berbanding dahulu.

Hal itu diakui Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid baru-baru ini yang menyedari bahawa penyalahgunaan dadah tidak hanya pada ganja, heroin dan morfin kerana trend masa kini adalah dadah sintetik yang boleh didapati dari pelbagai sumber.

Malah pihak kementerian juga telah mengenal pasti beberapa sekolah bermasalah dengan merujuk sekolah kategori C sebagai sekolah yang mempunyai banyak kes disiplin melibatkan ponteng dan penyalahgunaan dadah, untuk diberi perhatian serius.

Justeru langkah pihak kementerian menjalin kerjasama rapat dengan agensi Kementerian Dalam Negeri seperti Agensi Antidadah Kebangsaan dan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia bagi memantau pelajar sekolah di bawah kategori itu amat dialu-alukan.

Semua tahu, dadah adalah masalah global dan Malaysia tidak terkecuali. Dadah dianggap musuh utama terutama kepada golongan muda yang bakal menjadi aset modal insan yang akan meneruskan kelangsungan kepimpinan negara.

Mahdzir sendiri telah mendedahkan bahawa terdapat sekolah kategori C di negara ini. Pengkelasan kategori sekolah

Masalah dadah pelajar sekolah membimbangkan

KEMENTERIAN Pendidikan akan memberi lebih tumpuan kepada sekolah kategori C dalam usaha untuk menangani isu penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar sekolah dapat dibanteras.



KERATAN
Utusan
Malaysia 12
Jun 2016.

bermasalah itu wajar bagi membolehkan tumpuan diberikan untuk proses 'pembersihan', bukan untuk tujuan memalukan sekolah terbabit.

Pihak sekolah harus bersikap positif untuk membentuk pasukan pemantau yang turut melibatkan penyertaan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, imam, badan bukan masyarakat dan masyarakat setempat bagi menangani masalah itu bersama-sama.

Saranan itu sejajar dengan permintaan Mahdzir yang meminta masyarakat terutama ibu bapa supaya bekerjasama dalam usaha membendung masalah penyalahgunaan dadah dan tidak mengharapkan penguatkuasaan pihak berkuasa semata-mata.

Selain penubuhan pasukan khas pemantau, kempen-kempen kesedaran dan ceramah menjauhi dadah serta bahaya penyalahgunaan dadah perlu lebih berkesan dilakukan di peringkat sekolah.

Tidak dinafikan, kepesatan pembangunan negara menyumbang peningkatan krisis

moral remaja, namun golongan itu sering dipersalahkan begitu sahaja tanpa ada usaha-usaha tepat untuk membantu mereka menjadi modal insan 'bersih' daripada gejala dadah.

Cabaran pada masa kini terdapat pelbagai jenis dadah sintetik seperti ekstasi, syabu, pil kuda, amphetamine dan ketamine yang boleh membunuh manusia. Pengertian pengharaman dadah ada dinyatakan dalam Islam. Merujuk firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 195 yang bermaksud:

"Janganlah kamu lemparkan dirimu ke dalam kebinasaan dan berbuat baiklah. Sesungguhnya Allah SWT mengasihi orang berbuat baik". Maksud ayat itu jelas menunjukkan haram ke atas umat Islam menganiayai dan melakukan sesuatu perkara yang membawa kebinasaan kepada tubuh badan mereka.

Umum maklum, pengambilan dadah membawa kesan-kesan buruk seperti HIV, tindakan luar kawal, merosakkan akal fikiran, meruntuhkan agama dan sebagainya.

Melihat kepada kebinasaan akibat gejala penyalahgunaan

dadah itu, maka wajib bagi kita memeranginya kerana jiwa atau nyawa adalah amanah Allah kepada manusia. Begitu juga akal diberikan kepada manusia yang membezakannya dengan kehidupan makhluk lain di bumi.

Berdasarkan rekod, beberapa faktor yang dikenal pasti mendorong penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja termasuk pengaruh rakan sebaya, perasaan ingin tahu dan ingin mencuba, mencari keseronokan atau ketenteraman jiwa dan lain-lain.

Gejala penyalahgunaan dadah boleh dibanteras di peringkat awal sekiranya masyarakat khususnya ibu bapa memainkan peranan berdasarkan akal dikurniakan Allah SWT.

Antara kesan penagihan boleh dilihat melalui perubahan fizikal dan sikap pelajar yang sering ponteng sekolah, pencapaian akademik merosot, masalah disiplin, susut berat badan, mata merah berair, suka mengasingkan diri dan terdapat parut suntikan di lengan.

Justeru, menjadi tanggungjawab ibu bapa, guru dan masyarakat untuk melakukan sesuatu jika terdapat tanda-tanda sedemikian pada golongan remaja. Menyelami jiwa anak-anak dengan penuh kasih sayang, mewujudkan rumah tangga bahagia serta menjadi pendengar dan 'rakan sebaya' kepada anak-anak diyakini dapat mencegah remaja daripada terjerumus dengan penyalahgunaan dadah. Hakikatnya, kebahagiaan keluarga yang bermula daripada rumah adalah penawar kepada segala gejala sosial.

DR. AMINUDIN MANSOR

UKM